

ALLOPURINOL TABLET

Allopurinol (300mg)

Apa yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Allopurinol
2. Bagaimana Allopurinol berfungsi
3. Sebelum mengambil Allopurinol
4. Cara menggunakan Allopurinol
5. Semasa menggunakan Allopurinol
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara Penyimpanan dan pelupusan Allopurinol
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Allopurinol

Ubat ini digunakan untuk merawat atau mengelakkan masalah kesihatan yang mungkin berlaku jika terlalu banyak asid urik hadir dalam badan.

Ini termasuk gout, artritis gout, masalah buah pinggang tertentu, darah yang tidak normal, atau kanser tertentu dan rawatan di mana badan menghasilkan terlalu banyak asid urik.

Allopurinol digunakan untuk merawat simptom penyakit-penyakit ini, tetapi tidak akan memulihkannya. Ianya juga tidak boleh digunakan untuk merawat kesakitan semasa serangan akut gout.

Bagaimana Allopurinol berfungsi

Allopurinol tergolong di dalam golongan ubat yang dipanggil 'anti-uricaemic'. Ubat ini berfungsi untuk mengurangkan paras asid urik yang tinggi di dalam badan, yang mana kebiasaannya disebabkan oleh gout.

Kadar asid urik yang berlebihan di dalam darah, menyebabkan terbentuknya kristal asid urik yang kemudian akan disimpan di bahagian sendi-sendi, yang kemudiannya akan menyebabkan kesakitan, bengkak serta nyeri pada sendi.

Tanya doktor anda jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengapa Allopurinol dipreskripsi untuk

anda. Doktor anda mungkin telah mempreskrip ubat ini untuk kegunaan lain.

Penggunaan di kalangan kanak-kanak: Buat masa ini, maklumat keselamatan penggunaan ubat ini di kalangan kanak-kanak adalah amat terhad. Allopurinol hanya boleh diberikan kepada kanak-kanak apabila dipreskripsikan oleh doktor.

Sebelum mengambil Allopurinol

- Bila tidak boleh mengambil Allopurinol

Jangan mengambil Allopurinol jika anda mengalami reaksi alahan terhadap Allopurinol, atau sebarang kandungan yang disenaraikan di hujung risalah ini.

Antara gejala reaksi alahan termasuk sesak nafas, berdehit atau sukar bernafas; bengkak pada muka, bibir dan lidah; tekak atau mana-mana bahagian tubuh yang lain; sakit otot atau nyeri pada sendi; ruam atau gatal-gatal pada kulit.

Jangan mengambil Allopurinol jika anda mengalami hipertiroidisme (kelenjar tiroid terlampau aktif, mengakibatkan denyutan jantung cepat atau tidak tetap dan peningkatan kadar metabolisme), sindrom Lesch – Nyhan (penyakit keturunan jarang yang menjejaskan kebanyakan kanak-kanak lelaki dan menyebabkan masalah saraf dan tingkah laku) dan gout (sejenis keradangan yang menyebabkan sakit teruk dan bengkak dalam sendi) pada kanak-kanak .

Jangan mengambil Allopurinol jika anda atau man-mana ahli keluarga terdekat anda menghidap haemochromatosis (penyakit di mana terlalu banyak zat besi di dalam tubuh) dan anda sedang mengambil garam besi. Jangan ambil Allopurinol selepas tarikh luput yang dicetak (EXP) pada pek pembungkusan.

Jika diambil selepas tamat tarikh luput, ia mungkin tidak memberi kesan yang diinginkan-apa-apa kesan.

Jangan ambil ubat ini jika pek koyak atau telah dibuka atau tablet kandungannya kelihatan pelik.

Jika ianya telah luput tarikh atau rosak, pulangkan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan.

Jika anda tidak pasti, anda patut mengambil ubatan ini, bertanya kepada doktor anda.

- Sebelum mengambil Allopurinol

Maklumkan kepada doktor anda jika anda:

1. Mempunyai alahan kepada: sebarang ubatan atau bahan-bahan, seperti makanan, bahan pengawet atau pewarna.

2. Anda mengalami sebarang masalah kesihatan seperti berikut:

- masalah buah pinggang termasuk batu karang di buah pinggang'
- masalah hati
- tekanan darah tinggi
- masalah jantung
- kencing manis

3. Sedang diserang gout akut.

Rawatan dengan allopurinol patut ditangguh sehingga serangan itu beransur baik, jika tidak, lebih banyak serangan akan berlaku (walaupun bagaimanapun, jika serangan berlaku ke atas orang yang memang sudah mula mengambil allopurinol, dia boleh meneruskan rawatan allopurinol seperti biasa).

4. Anda sedang hamil atau merancang untuk hamil;

Doktor anda akan berbincang dengan anda mengenai risiko dan manfaat mengambil allopurinol sewaktu hamil.

5. Sedang menyusu badan atau merancang untuk menyusu badan;

Allopurinol akan dirembes ke susu ibu dan akan memberi kesan kepada bayi

anda. Doktor anda akan berbincang dengan anda mengenai risiko dan manfaat untuk mengambil allopurinol sewaktu menyusukan bayi anda.

Jika anda masih belum maklumkan kepada doktor anda mengenai semua perkara di atas, maklumkan kepada mereka sebelum mengambil ubat ini.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda sedang mengambil ubatan lain termasuk ubat yang anda beli tanpa preskripsi di kedai farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat dan allopurinol akan berinteraksi. Ini termasuk:

- Ubat untuk merawat tekanan darah tinggi atau masalah jantung
- Thiazide diuretics (sejenis tablet air)
- mercaptopurine, azathioprine – ubatan yang digunakan untuk menekan sistem imun
- aspirin dan ubat lain dikenali sebagai salicylates
- probenecid, ubat yang digunakan untuk merawat gout.
- Warfarin, digunakan untuk mengelakkan pembekuan darah
- Chlorpropamide, ubat yang digunakan untuk merawat kencing manis
- Sesetengah antibiotik seperti ampicillin dan amoxicillin
- theophylline, ubat yang digunakan untuk merawat asma
- vidarabine, sejenis ubat anti-viral
- ascorbic acid (sejenis vitamin C)
- cyclophosphamide, digunakan untuk merawat kanser.

Kesan ubatan ini mungkin akan terjejas oleh allopurinol atau mengganggu cara ia berfungsi. Anda mungkin memerlukan jumlah ubat yang berbeza, atau mungkin perlu mengambil ubat yang lain.

Doktor atau ahli farmasi anda akan memberitahu anda jika anda mengambil ubat-ubatan ini.

Doktor dan ahli farmasi anda mungkin mempunyai maklumat lanjut mengenai ubatan yang perlu di beri perhatian atau dielakkan sewaktu mengambil allopurinol.

Sebarang interaksi yang lain daripada yang tersenarai di atas juga mungkin berlaku.

Cara menggunakan Allopurinol

Patuhi semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi dengan teliti.

Ia mungkin berlainan daripada informasi di dalam risalah ini. Jika anda tidak faham sebarang arahan bertulis, dapatkan bantuan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa banyak harus digunakan

Doktor atau ahli farmasi anda akan memaklumkan jumlah tablet yang perlu diambil. Ini adalah bergantung kepada keadaan anda dan samada anda sedang mengambil ubatan lain atau tidak.

Julat dos dewasa normal ialah:

- 100 - 800mg sehari
- Setiap dos tunggal tidak boleh melebihi 300mg

Warga emas berusia 65 tahun ke atas, dan mempunyai masalah buah pinggang dan hati, patut dimulakan dengan dos yang rendah untuk mengawal penghasilan asid urik.

Kanak-kanak sehingga 6 tahun: 50mg , tiga kali sehari.

Kanak-kanak 6 - 10 tahun : 100mg , tiga kali sehari atau 300mg sebagai dos tunggal sekali sehari.

Telan tablet dengan segelas air. Jangan kunyah atau hancurkan tablet.

- Bila perlu digunakan

Ambil ubat anda sejeurus selepas makan, untuk mengurangkan risiko untuk mendapat sakit perut.

Ambil ubat anda pada masa yang sama setiap hari.

Dengan mengambil ubat pada masa yang sama setiap hari, akan memberikan kesan yang baik. Ia juga akan membantu anda untuk ingat masa mengambil ubat.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan mengambil ubat anda seperti yang dinasihatkan oleh doktor anda. Allopurinol membantu mengawal gejala

keadaan tetapi tidak menyembuhkannya. Adalah penting untuk anda terus mengambil ubatan anda walaupun anda berasa sihat.

- Jika terlupa menggunakan

Jika anda tertinggal salah satu dos anda, ambil ubat anda sejeurus selepas anda teringat.

Jika sudah hampir masa untuk dos seterusnya, jangan ambil dos yang tertinggal, dan ambil dos seterusnya mengikut jadual pengambilan ubat anda seperti biasa. Jangan gandakan dos untuk menggantikan dos yang tertinggal.

Ia mungkin meningkatkan risiko anda untuk mendapat kesan sampingan yang tidak dikehendaki.

Jika anda tidak pasti apa yang perlu anda lakukan, bertanyalah kepada doktor atau ahli farmasi anda. Jika anda berasa sukar untuk mengingati dos anda, minta nasihat ahli farmasi anda.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda, atau pergi ke Jabatan Kecemasan di hospital yang berdekatan anda secepat mungkin, sekiranya anda atau sesiapa telah mengambil Allopurinol secara berlebihan. Walaupun tiada gejala ketidakselesaan mahupun keracunan, anda mungkin memerlukan bantuan perubatan.

Semasa menggunakan Allopurinol

- Perkara yang perlu dilakukan

Anda harus berhenti mengambil Allopurinol serta merta sekiranya berlaku ruam kulit atau sebarang gejala alahan, maklumkan kepada doktor anda secepat mungkin.

Gejala alahan tersebut telah dinyatakan pada bahagian awal risalah ini.

Maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda mengalami serangan gout akut sewaktu mengambil Allopurinol.

Doktor anda akan memberikan ubat untuk melegakan serangan itu. Anda boleh terus mengambil Allopurinol.

Maklumkan semua doktor, doktor gigi atau ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil Allopurinol.

Maklumkan kepada doktor anda jika anda hamil sewaktu mengambil ubat ini.

Jika anda akan menjalani pembedahan, maklumkan pakar bedah anda, atau doktor gigi anda bahawa anda sedang mengambil ubat ini.

Jika anda akan mula mengambil ubat yang baru, maklumkan kepada doktor, doktor gigi atau ahli farmasi anda yang anda sedang mengambil ubat ini.

Jika anda akan menjalani ujian darah, maklumkan doktor anda yang anda sedang mengambil ubat ini.

Kerap jumpa dengan doktor anda untuk pemeriksaan kesihatan. Doktor anda mungkin akan melakukan ujian sekali sekala untuk memastikan ubat itu berfungsi dan untuk mengelakkan daripada kesan sampingan.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan ambil ubat ini untuk merawat serangan akut gout.

Jangan berikan ubat ini kepada orang lain, walaupun gejala penyakit sama seperti anda.

Jangan ambil ubat ini untuk merawat keadaan yang lain melainkan dinasihatkan oleh doktor anda.

Jangan mengambil ubat atau mengubah dos tanpa memeriksa dengan doktor terlebih dahulu.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Pastikan anda tahu bagaimana Allopurinol memberi kesan pada anda sebelum anda mula memandu, mengendalikan mesin ataupun melakukan perkara yang mungkin berbahaya.

Seperti ubatan lain, allopurinol mungkin akan mengakibatkan pening, mengantuk atau kurang koordinasi diri pada sesetengah orang.

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat mempunyai kesan sampingan yang tidak dikehendaki. Kadangkala ianya adalah serius, tetapi selalunya ianya tidak serius.

Jika anda berumur lebih daripada 65 tahun, mempunyai masalah buah pinggang dan/atau hati, risiko untuk anda mendapat kesan sampingan adalah lebih tinggi.

Maklumkan doktor atau ahli farmasi anda jika anda merasa tidak sihat semasa mengambil allopurinol.

Bertanya kepada doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda mempunyai sebarang soalan.

Berikut adalah senarai kesan sampingan yang mungkin berlaku. Jangan risau mengenainya kerana anda mungkin tidak akan mengalaminya.

Maklumkan kepada doktor anda atau ahli farmasi anda sekiranya anda mengalami keadaan berikut dan ia membimbangkan anda:

- ruam kulit
- sakit perut, termasuk loya, muntah-muntah atau cirit birit.
- Pening, mengantuk atau hilang keseimbangan badan sewaktu berjalan.
- perubahan pada tabiat buang air besar.
- sakit kepala
- perubahan rasa.
- rambut gugur
- Serangan gout akut

Ini adalah kesan sampingan biasa bagi Allopurinol. Kebanyakannya adalah ringan dan tidak kekal lama.

Kesan sampingan lain yang tidak disebut di atas juga mungkin akan berlaku pada sesetengah orang.

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda sekiranya ada perkara yang menyebabkan anda berasa kurang sihat.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan Malaysia melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers → Reporting*).

Cara Penyimpanan dan Pelupusan Allopurinol

- Penyimpanan

Simpan ubat tablet anda di dalam pek asalnya sehingga tiba masa untuk menggunakannya.

Jika anda mengeluarkan tablet Allopurinol daripada pek asalnya, ia tidak akan disimpan dengan sempurna.

Simpan ubat tablet Allopurinol anda di tempat kering dan sejuk pada suhu di bawah 30 ° C.

Jangan simpan Allopurinol atau ubat lain di dalam bilik air atau berdekatan sinki. Haba dan kelembapan boleh merosakkan ubat.

Jauhkan tablet Allopurinol daripada capaian kanak-kanak.

Simpan ubat di dalam almari berkunci yang terletak sekurang-kurangnya ketinggian satu setengah meter.

Jangan tinggalkan ubat ini di dalam kereta ketika hari panas.

- Pelupusan

Jika doktor anda mengarahkan anda berhenti mengambil ubat ini, atau ubat sudah tamat tarikh luputnya, hubungi ahli farmasi anda untuk mengetahui apa yang perlu dilakukan terhadap baki ubat tersebut.

Maklumat Lanjut

- Rupa dan Warna Produk

Tablet putih, bulat, berdiameter 11mm, cembung, bergaris dan bertanda 'UPHA'. Allopurinol dibungkus dalam pek 50x10's.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:
Setiap tablet Allopurinol mengandungi: Allopurinol 300mg sebagai bahan aktif

Bahan tidak aktif:

- Sodium Starch Glycolate
- Tween 80
- Corn Starch
- Lactose Monohydrate
- Magnesium Stearate
- Microcrystalline Cellulose

- Nombor MAL
MAL19910010AZ

Pengilang

Upha Pharmaceutical Manufacturing
(M) (53667-M)
Lot 2&4, Jalan P/7, Seksyen 13,
Bangi Industrial Estate,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan.

Pemegang Pendaftaran Produk

Upha Pharmaceutical Manufacturing
(M) (53667-M)
Lot 2&4, Jalan P/7, Seksyen 13,
Bangi Industrial Estate,
43650 Bandar Baru Bangi,
Selangor Darul Ehsan.

Tarikh Kemaskini RiMUP

22/10/2015

Nombor Siri :

BPFK(R4/1)131015/00363